

26/02/2002

Anita kembali ke akar umbi

Zul Husni Abdul Hamid

PERUBAHAN diri pada penghibur antarabangsa, Anita Sarawak sejak bersuamikan Mohd Mahathir Abdullah, tahun lalu kini semakin menyerlah. Sejak kembali ke tanah kelahirannya, Singapura enam bulan lalu, anak seniwati Siput Sarawak itu sering muncul bergaya sopan dan lebih berhemah pada setiap majlis yang dihidirinya.

Tiada lagi imej seksi yang sering dikaitkan dengannya. Penghibur yang sudah 36 tahun mengabdikan diri dalam dunia seni, kini memilih imej matang, sesuai usianya yang bakal menjangkau 50 tahun.

Malah, gaya percakapannya juga menjurus kepada peringatan kembali kepada asas budaya dan agama. Nyata, perubahan itu membawa sesuatu yang positif dalam hidup penghibur ini.

"Namun, saya enggan menyentuh persoalan berkaitan agama atau politik. Cuma bagi saya, untuk berjaya, kita harus percaya kepada diri sendiri. Restu ibu bapa juga penting dan jangan sesekali lupakan agama serta budaya kita.

"Itu adalah asas. Walau ke mana sekalipun pergi, saya sentiasa ingat satu hari akan kembali kepada tanah air. Kita bukan selamanya akan tidur atas pentas.

"Disebabkan itu, saya bersyukur dapat kembali ke sini. Pada usia bakal mencecah 50, saya akan bagi balik apa yang peminat berikan selama ini. Saya juga ingin membantu mereka yang ingin membantu diri mereka sendiri. Saya mahu berkongsi pengalaman, baik, buruk, suka dan duka bersama mereka.

"Saya sungguh bertuah kerana masyarakat Malaysia memberi peluang untuk saya mengadakan konsert ini," kata Anita pada sidang media Konsert Mega Bukit Jalil 2002 - Anita Sarawak di ibu negara, Jumaat lalu.

Anita, yang ditemani suaminya berada di ibu negara selama tiga hari turut mengambil peluang meraikan sambutan Aidiladha bersama keluarga dan sanak saudaranya di sini.

"Syukur kerana pada hari baik bulan baik ini kita semua dapat bertemu semula. Saya berdoa kepada Tuhan semoga terus diberi kekuatan untuk memberi yang terbaik buat peminat.

"Saya juga gembira kerana tahun ini, kali pertama saya dan suami dapat beraya di sini dengan adik beradik. Sebelum ini tidak berpeluang kerana terikat dengan jadual kerja yang ketat," katanya yang menghabiskan 19 tahun sebagai penghibur di Caesar's Palace, Las Vegas.

Menyentuh mengenai konsert dua jamnya yang dijadualkan berlangsung di Stadium Putra, Bukit Jalil pada 7 April ini, Anita berkata, dia sudah bersedia untuk peringkat awal.

Anita bertuah kerana suaminya yang sesekali mencelah dalam bahasa Melayu bertindak sebagai Pengarah Kreatif dan Produksi. Lebih membanggakan, Anita meluahkan rasa tidak sabarnya untuk bekerja dengan tenaga muda tempatan yang diterajui Helen Yap.

"Saya hanya sebagai penghibur dan juga isteri," katanya sambil menyifatkan kedatangan mereka ke Kuala Lumpur selama tiga hari itu turut dipenuhi perbincangan mengenai konsert itu.

"Banyak kerja yang perlu dibuat, berjumpa dengan krew teknikal selain pergi meninjau tempat konsert berlangsung. Saya tak sabar nak tengok tempat tu. Selain itu, saya juga sibuk di studio berbincang soal lagu dengan Helen. Kami sudah pun menyiapkan struktur lagu yang akan dinyanyikan.

"Pakaian pun dah siap, berpasang-pasang. Kali ini saya gunakan khidmat

pereka kegemaran di Singapura. Kiranya konsert ini lebih kepada `Asia dream'," katanya cuba merahsiakan lagu yang bakal dinyanyikan.

"Mahathir kuat bekerja dan setiap yang dilakukan tersusun. Kami banyak guna tenaga untuk menjadikan apa yang dirancang satu kenyataan. Saya tidak mahu mengecewakan peminat yang datang.

"Saya juga tidak sabar untuk bekerja dengan pemuzik muda terbaik Malaysia. Tanpa American Dreams, chemistry antara kami akan tetap ada. Saya mahu setiap orang yang berada di atas pentas mempamerkan kebolehan mereka yang tersendiri," katanya yang akan diiringi pemuzik antaranya Sham Kamikaze, Hillary Ang, Aubrey Suwito dan penyanyi latar, Adibah Noor.

Konsert kedua anjuran Kompleks Sukan Negara selepas kejayaan Konsert Mega Bukit Jalil 2001 - Siti Nurhaliza itu mendapat tajaan Hotel Istana sebagai hotel rasmi, Radio Era, Europel Sdn Bhd, BTC Catering Sdn Bhd, Vantage Horizon Sdn Bhd, NHF Production Sdn Bhd dan F & N Coca Cola.

Tiket berharga RM60, RM100, RM130 dan RM250 boleh diperolehi mulai 7 Mac ini di rangkaian kedai kaset Music Valley sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Allied Ticketing Sdn Bhd (Axxess) dilantik sebagai agen tiket rasmi dan tempahan hotline boleh dibuat menerusi 03-74919999 atau laman web [www.axcesstickets.com](http://www.axcesstickets.com).

(END)